

MC

THE NEWSLETTER OF
MASSCOMM 2023



VOLUME
01



MAJLIS APRESIASI VIDEO PENDEK ISLAMI

Oleh : Suhaila Sharil & Wan Admiza Wan Hassan

Sempena dengan Pertandingan Video Pendek Kefahaman Islam yang akan dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), satu majlis apresiasi telah diadakan di Dewan Besar IKIM pada 21 Mac 2023 bermula jam 10 Pagi hingga 4.45 Petang. Antara objektif utama adalah memberi pendedahan tentang konsep video pendek bergenre Islami, sejarah dan falsafahnya, membahaskan isu dan cabaran dalam menghasilkan video pendek ber-genre Islami sebagai medium dakwah, memberi hala tuju video pendek bergenre Islami yang bakal dihasilkan oleh peserta dan mencungkil potensi video pendek sebagai medium untuk memberi kefahtaman Islam kepada masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat global amnya. Justeru delegasi Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah dijemput untuk menghadiri majlis tersebut seramai 10 orang iaitu Puan Wan Admiza Wan Hassan, Puan Ismazuriyya Binti Ismail, Dr. Mohd Firdauz Mohd Fathir, Prof. Madya Dr. Masitah Ahmad, Encik Noor Hilmi Mohd Johan, Cik Wan Anis Aqilah Wan Zambri, Encik Shahril Anuar Bin Abdul Ghafim, Puan Suhaila Kamal dan Puan Suhaila Sharil dan Dr. Dzaa Imma Binti Abdul Latiff.

VIPKI bermaksud sebuah karya yang mengukuhkan minda Islami, menonjolkan nilai-nilai baik dan mulia, mempertahankan unsur estetika seni. Tepat jam 10 Pagi taklimat oleh Puan Hajah Fatimah Binti Abdul Rahman Fellow Kanan Emas, Institut Kefahaman Islam Malaysia diikuti dengan tayangan filem Islami bertajuk Ammar terbitan TV IKIM. Sesi apresiasi 1 dimulakan dengan moderator iaitu Dr. Norman Yusoff dan ahli panel pertama Encik Mior Hashim Manap yang merupakan pengarah filem atau pengkarya, ahli panel kedua iaitu Encik Hassan Mutalib merupakan tenaga pengajar dan

pengkritik filem dan Dr. Mohd Farid Shahran Fellow Utama Pengarah Pusat Syarak IKIM. Tepat jam 12.10 tengahari terdapat sesi soal jawab oleh peserta sebelum peserta dibenarkan rehat, makan dan solat. Selesai solat, peserta disajikan dengan tayangan filem Islami yang bertajuk Cuak terbitan Aswara dan setelah itu moderator Dr. Norman Yusoff beralih mengambil tempat untuk mengemukakan sesi kedua yang terdiri daripada Syafiq Yusof Pengarah dan penerbit, A. Wahab Hamzah tenaga pengajar dan pengkarya serta Dr. Mohd Shaikh Saifuddien bin Syed Mohd Saleh.

Antara tema yang boleh digunakan untuk membuat video ialah kewajipan solat dan larangan meninggalkan solat, belajar dan menuntut ilmu, bersyukur, menjaga masa, hormat ibu bapa, amanah, berkata benar, adil, ihsan, rajin, berjimat cermat, kebersihan alam sekitar dan nilai-nilai kekeluargaan yang baik manakala syarat pertandingan adalah video tersebut mestilah tidak melebihi daripada 5 minit. Selain itu, format video mestilah menggunakan mov atau mp4 dengan resolusi 1920X1080 fullHD. Selain itu, terdapat juga syarat-syarat yang dikenakan kepada peserta contohnya 1 kumpulan tidak melebihi daripada 4 orang dan karya tersebut mestilah dalam Bahasa Melayu. Terdapat 3 tahap saringan iaitu Jawatankuasa Penilai Teknikal, Jawatankuasa Penilai Dalaman, Jawatankuasa Panel Penilai seperti IKIM, YADIM, FINAS dan Pengarah filem. Tempat pertama akan memenangi hadiah RM15,000, tempat kedua akan memenangi hadiah RM 10,000, tempat ketiga RM 5,000 manakala 5 saguhati akan membawa pulang hadiah yang bernilai RM1000 berserta sijil penyertaan. Semoga VIPKI ini dapat memberi manfaat kepada semua institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia.